

UMS, Huawei tandatangan MoU

► Untuk bangunkan kampus pintar

UB 10.11.17 B9
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd menandatangani memorandum persefahaman (MoU) pada Khamis bagi kerjasama dalam beberapa bidang termasuklah berkaitan pembangunan kampus pintar.

Majlis pertukaran dokumen MoU diadakan di Kuala Lumpur sempena program Huawei Asia-Pacific

“Sebagai sebuah universiti ke arah proses Transformasi Universiti/Industri (IR) 4.0, pelbagai inisiatif telah dan sedang dirancang. Ini termasuklah pembangunan kampus digital dan mereka bentuk semula kurikulum prasiswazah mengikut keperluan IR 4.0.”

PROF DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN
Naib Canselor



KAMARUDIN (tiga dari kiri) dan **Abraham** (dua dari kiri) bertukar dokumen MoU sambil diperhatikan **Ahmad Zahid** (tiga dari kanan), **Ong** (dua dari kanan), **Zaki** (kanan) dan **Guo Ping** (kiri).

Innovation Day dengan disaksikan Timbalan Perdana Menteri **Dauk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi**, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri **Dato' Seri Ong Ka Chuan** dan Ketua Pegawai Eksekutif Bergilir (Rotating) Huawei **Guo Ping**.

Pada majlis itu, UMS diwakili Naib Canselor **Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin** manakala Huawei Technologies (Malaysia) diwakili Ketua Pegawai Eksekutif **Abraham Liu Kang**.

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMS **Tun Zaki Tun Azmi** dan Presiden Huawei bagi Wilayah Asia Tengah dan Caucasus **Liu Hongyun**.

Kamarudin dalam satu kenyataan berkata, kesediaan pihak Huawei untuk menjadi rakan industri UMS adalah amat dialu-alukan.

“Sebagai sebuah universiti ke arah proses Transformasi Universiti/Industri (IR) 4.0, pelbagai inisiatif telah dan sedang dirancang.

“Ini termasuklah

pembangunan kampus digital dan mereka bentuk semula kurikulum prasiswazah mengikut keperluan IR 4.0,” katanya.

Menurut beliau, kerjasama akademik dan pihak industri seperti Huawei adalah penting untuk membantu UMS dalam merealisasikan agenda IR 4.0.

“Harapan saya, dengan kerjasama ini akan dapat meningkatkan lagi kapasiti dan keupayaan UMS untuk menghadapi era IR 4.0,” katanya.